

MENENGAH 1 EXP/NA

LATIHAN TOPIKAL 7

KEFAHAMAN SUBJEKTIF

Kefahaman Subjektif	Markah Penuh	Markah Yang diperolehi	Tarikh
Latihan 1	30		
Latihan 2	30		
Latihan 3	30		
Latihan 4	30		
Latihan 5	30		

LATIHAN 1

Arahān: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Orang dewasa di sekelilingku seringkali berkata bahawa mereka merindui zaman kanak-kanak mereka. Aku bagaimanapun tidak setuju dengan pernyataan mereka itu. Mungkin, mereka tergolong dalam kalangan mereka yang lebih bernasib baik - mempunyai keluarga yang bahagia, ataupun kehidupan mereka serba-serbinya lengkap. Sejak berlakunya perang dunia kedua, aku kehilangan kedua-duanya sama sekali. 5

Sebelum zaman perang, keluargaku hidup berempat. Aku mempunyai kedua-dua ibu bapa dan juga seorang abang. Pada mulanya, kami seperti keluarga yang lain. Ayah sentiasa terhibur dengan ibuku yang ceria dan tidak pernah berhenti bercerita mengenai apa jua yang terdetik di hati. Keluargaku juga puas merasakan masakan ibu yang selalu disiapkan dengan sepenuh hati. Namun, belum sempat aku melafazkan perkataan pertama, ayahku sudah dikerah pihak tentera untuk 10 **menentang** musuh. Apabila aku baru sahaja belajar menulis namaku, abangku pula dikerahkan.

Aku ingat dengan jelas, hari abangku dikerahkan. Dua lelaki gagah yang berpakaian seragam askar menyerbu rumahku. Ketika itu, kami baru sahaja selesai solat Maghrib.

"Inikah rumah Haris Bin Hasram?" tanya seorang daripadanya yang bermisai lebat. Ibu hanya mengangguk-anggukkan kepalanya. Dia tahu, satu berita buruk bakal menyusuli. 15

"Haris telah meninggal dunia dalam **pertempuran** semalam. Menurut undang-undang, semua keluarga perlu menyerahkan seorang anggota untuk berkhidmat kepada tentera. Jadi, siapa yang akan ikut kami? Kamu? Atau salah satu anak kamu?" ujar teman sejawatan lelaki bermisai itu.

"Anak saya masih kecil lagi, Bang! Syahir berusia 12 tahun. Belum remaja pun. Arshad pula baru masuk tiga tahun. Saya tidak boleh meninggalkan mereka! Suami saya baru sahaja meninggal dunia. Mana mungkin saya pula hendak meninggalkan mereka? Ini langsung tidak **munasabah!**" 20 teriak ibuku sambil menangis memeluk kami berdua.

Dari raut wajahnya, aku tahu, lelaki yang bermisai itu mengasihani nasib kami. Namun apakan daya, dia terpaksa menjalankan tugas dan tidak mampu berbuat apa-apa. Lelaki yang satu lagi bagaimanapun, kelihatan seperti dia sedang menikmati tugasannya. Meskipun hati kecilku sedang merintih, sempat pula aku melihat lencana nama askar yang kelihatan tidak berhati perut itu. Hasan namanya. 25

"Cik Wani, saya hanya menjalankan tugas. Undang-undang itu bukan saya yang cipta. Saya sarankan kamu serahkan anak kamu yang lebih tua itu. Kalau kamu yang ikut kami, siapa yang akan menjaga mereka? Kalau kamu serahkan si kecil, belum tentu lagi dia boleh bertahan sehari pun," kata Hasan, lelaki yang lebih pendek itu, dengan nada yang tidak beremosi. 30

Ibuku terus melutut sambil merayu-rayu di hadapan kedua-dua lelaki tersebut namun ia sedikit pun tidak dihiraukan. Tanpa mempedulikan tangisan ibuku, lelaki yang lebih pendek itu merampas abang daripada genggaman ibu lalu membawanya pergi. **Ekoran** tidak dapat mengawal perasaan, ibu langsung rebah. Aku duduk di samping ibuku sepanjang malam sambil bergenang air mata. 35

Sejak itu, ibuku tidak lagi seperti dahulu. ibuku menjadi seorang yang pendiam dan tidak

campur orang. Dia juga sering jatuh sakit dan tidak terlarat menghidangkan aku walaupun sesuap nasi. Mujur, kami mempunyai jiran-jiran yang baik hati - tidak putus-putus hulurkan bantuan kepada kami.

Dua tahun kemudian, perperangan pun berakhir dengan negara kami ditakluki pihak penjajah. 40 Tidak disangka, mereka memerintah dengan lebih baik berbanding pemerintah kami yang dahulu dan semua askar dibenarkan kembali ke pangkuhan keluarga. Sejurus mendengar berita tersebut, aku dan ibuku akan duduk di halaman rumah setiap hari dari saat matahari terbit sehingga ia terbenam. Setahun sudah berlalu, namun di rumah, hanya tetap ada kami berdua.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Apakah **dua** perkara yang menyebabkan penulis tidak merindui zaman kanak-kanaknya? (3 markah)

2. Berikan bukti bahawa penulis tidak puas merasakan kasih sayang daripada ayahnya. (3 markah)

3. Mengapakah abang penulis dikerah untuk berkhidmat kepada tentera? (3 markah)

4. Apakah sebab yang diberikan ibu penulis ketika dia berkeras bahawa abang penulis tidak patut menganggotai pasukan tentera pada ketika itu? (3 markah)

5. Penulis menyatakan bahawa Hasan tidak berhati perut. Berikan **dua** sebab untuk membuktikan kebenaran kata-kata penulis. (5 markah)

6. "Sejak itu, ibuku tidak lagi seperti dahulu." (baris 36) Jelaskan **dua** perbezaan yang ibu penulis tonjolkan setelah peperangan. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. menentang (baris 11) (2 markah)

8. pertempuran (baris 16) (2 markah)

9. munasabah (baris 21) (2 markah)

10. ekoran (baris 34) (2 markah)

LATIHAN 2

Arahān: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Sinaran matahari hampir terbenam sepenuhnya. Sulastri sedang bercucuk tanam di taman halaman rumahnya. Dia tidak menyarungkan sepasang kasut dan hanya berkaki ayam kerana dia rasa lebih **nyaman** berlegar-legar di tamannya dalam keadaan sebegini. Akan tetapi pada hari itu, dia memerhatikan ada dua perkara yang aneh. Bunga-bunga mawarnya telah mekar terlebih awal dan ada seseorang dalam sebuah kereta yang tersangkut di tengah-tengah landasan kereta api. Di 5 kawasan yang didiami Sulastri, di mana tidak ramai orang tinggal, landasan kereta api tidak dilengkapi dengan pagar keselamatan. Sejurus Sulastri terperasan kereta itu, kedengaran bunyi geseran roda kereta api dari hujung pusingan landasan. Dia tahu, pemandu kereta api tersebut pasti tidak boleh nampak kereta berkenaan, apatah lagi berhenti tepat pada masanya.

Lantaran itu, Sulastri satu-satunya orang yang tahu bahawa satu kemalangan yang 10 mengerikan bakal terjadi.

Sulastri tidak mempunyai masa untuk menyarungkan kasut. Dia terus pecut menuju ke kereta itu tanpa menghiraukan tulang belakangnya yang sedang **beransur pulih** daripada kecederaan. Sudah lebih 10 tahun Sulastri tidak berlari pada kelajuan seumpama itu. Semasa dia berlari, Sulastri menyedari bahawa Nek Mariam yang berusia 82 tahun keseorangan berada di dalam kereta tersebut. 15 Nek Mariam berkeras tidak mahu keluar daripada keretanya. Beliau mengalami demensia yang serius dan perkara itu tidak diketahui Sulastri. Sama seperti pesakit-pesakit demensia yang lain, beliau sering berasa keliru tentang keberadaannya mahupun apa yang sedang dilakukannya. Melihat Sulastri berlari ke arahnya, Nek Mariam malah menguncikan pintu keretanya. Sulastri kelihatan seperti orang gila terkibai-kibai cuba mengarahkan Nek Mariam keluar daripada kereta. 20

Keadaan demensia Nek Mariam semakin menjauhkan dirinya daripada alam realiti. Dalam **kecelaruan**, Nek Mariam berfikir beliau berada di jalan raya yang biasa dan ditemani anaknya dalam perjalanan ke sebuah pusat beli-belah berdekatan. Pada masa yang sama, di mata Nek Mariam, Sulastri kelihatan seperti seorang perompak berbahaya yang sedang berusaha memaksanya keluar dari kereta. 25

Sulastri bagaimanapun tidak mempunyai masa untuk menganalisis apa yang sedang berlaku. Dia tidak mempunyai masa untuk memikirkan mengapa Nek Mariam menguncikan pintu keretanya. Mujur, Sulastri berjaya menyelitkan tangannya yang kecil daripada celah jendela kereta untuk membuka kunci pintu. Sulastri langsung menarik Nek Mariam keluar daripada kereta. Dia memeluk Nek Mariam sekuat-kuatnya sementara mereka tergolek ke bawah **cerun** kerana dia tidak sanggup 30 melihat Nek Mariam terluka. Beberapa saat kemudian, kedengaran bunyi paling dahsyat yang pernah didengari mereka berdua.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Apakah bukti bahawa Sulastri berasa amat selesa di tamannya? (3 markah)

2. Mengapakah Sulastri yakin bahawa satu kemalangan akan berlaku? (3 markah)

3. Apakah keburukan yang akan berlaku kepada pesakit yang mengalami demensia? (3 markah)

4. Bagaimanakah reaksi Sulastri apabila Nek Mariam mengunci pintu keretanya? (3 markah)

5. "Keadaan demensia Nek Mariam semakin menjauahkan dirinya daripada alam realiti." (baris 21) Jelaskan dua perkara yang membuktikan bahawa pemikiran Nek Mariam sedang bercelaru malah jauh daripada realiti. (5 markah)

6. Apakah **dua** sifat Sulastri yang patut dicontohi? Jelaskan dengan memberikan bukti-bukti.
(5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. nyaman (baris 8) (2 markah)

8. beransur pulih (baris 17) (2 markah)

9. kecelaruan (baris 20) (2 markah)

10. cerun (baris 25) (2 markah)

LATIHAN 3

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Pada hujung tahun 2015, Rasyid baru sahaja tamat pendidikannya di maktab rendah dan bakal memulakan pengajian di Universiti Toronto di Kanada. Semasa menunggu kuliah bermula, Rasyid telah terbang lebih 14,500 kilometer untuk melawat bandar kelahirannya; Singapura. Rasyid merancang untuk meluangkan masa cutinya dengan melawat neneknya yang sedang **uzur**.

Keluarga Rasyid telah berpindah ke Kanada pada 1997. Ketika itu, Rasyid baru berusia tiga tahun. Keluarganya telah pulang melawat Singapura sebanyak empat kali sejak itu. Namun, lima tahun sudah berlalu sejak kali terakhir Rasyid bertemu dengan neneknya. Dia tidak sabar untuk berjumpa dengan nenek sekali lagi. 5

Berbanding kehidupannya yang tenang di Kanada, perjalanan kembali ke tanah air itu agak mencabar, kerana itulah pertama kali dia melakukan perjalanan ke luar negara bersendirian. Mujur, Singapura sebuah negara yang aman **makmur**. Memang benar kata ibu Rasyid; Rasyid tidak perlu khuatir akan keselamatannya. Sejurus tamat peperiksaan akhirnya pada hujung bulan Oktober, Rasyid terus ke lapangan terbang untuk penerbangan ke Singapura yang mengambil masa hampir 21 jam. 10

Memandangkan neneknya tidak kuat untuk menunggu di lapangan terbang, Rasyid dijemput oleh Cik Petom serta empat orang sepupunya. Setibanya di rumah nenek, Rasyid langsung memeluk neneknya dengan kuat dek ingin melepaskan kerinduan yang amat mendalam. Rasyid sempat menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama neneknya. Neneknya amat seronok kerana beliau memang suka dikelilingi makanan dan sanak keluarga. 15

Pada mulanya, Rasyid cuba menyuntik pembaharuan dalam gaya hidup neneknya yang amat tegar, tapi lama-kelamaan, dia berubah mengikut arus. Rasyid menyedari bahawa sebagai cucu, dia lah yang harus mengalah dan menyesuaikan diri dengan keadaan hidup neneknya yang sudah lebih lama **makan garam**. Rasyid mula pelajari bahawa kehadirannya amat dihargai neneknya. Sebenarnya, itulah kali pertama dia berhadapan dengan seseorang yang kesepian mengharungi usia senja. Meskipun Rasyid baru sahaja meluangkan masa dengan neneknya, dia sudah pandai 25 memujuk neneknya ketika neneknya sedang dilamun kenangan yang memilukan.

"Ibu, masa dah **suntuk**. Ibu perlu datang jumpa nenek sebelum terlambat," Rasyid mengirimkan ucapan teks tersebut kepada ibunya.

Tiga bulan berlalu seperti sekilip mata sahaja dan sudah tiba masanya untuk Rasyid kembali ke Kanada. Rasyid telah berubah. Dia telah menjadi semakin matang sehingga ibunya sendiri seperti tidak mengenalinya. Meskipun telah kembali ke rumah, fikiran Rasyid terngiang-ngiang masa bersama neneknya. Dia membayangkan nenek memanggil-manggil untuk ditemani namun apakan daya, beliau tidak mempunyai sesiapa. Hanya diselubungi kesunyian. 30

Arahān: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Mengapakah Rasyid tidak sabar untuk bertemu dengan neneknya? (3 markah)

2. Apakah sebabnya perjalanan Rasyid ke tanah airnya pada kali itu agak sukar? (3 markah)

3. "Rasyid tidak perlu khuatir akan keselamatannya" (baris 11) Apakah sebab yang diberikan oleh ibu Rasyid? (3 markah)

4. Mengapakah Nenek kelihatan sangat teruja? (3 markah)

5. Rasyid ialah seorang yang prihatin. Berikan bukti-bukti yang menyokong pernyataan tersebut. (5 markah)

6. "Dia telah menjadi semakin matang sehingga ibunya sendiri seperti tidak mengenalinya." (baris 30) Berikan **dua** bukti daripada teks untuk menunjukkan bahawa Rasyid sudah semakin matang. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan **7 hingga 10**, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. uzur (baris 4) (2 markah)

8. makmur (baris 10) (2 markah)

9. makan garam (baris 23) (2 markah)

10. suntuk (baris 27) (2 markah)

LATIHAN 4

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

"Tergamak kau!" laung Hafiz sambil menggenggam buku limanya lalu melontarkan tumbukan ke pipi Zharfan.

Zharfan langsung tercampak ke belakang. Aku hanya **tergamam** melihat riak wajah Zharfan yang terkejut bertukar menjadi berang. Setelah menyedari perkara yang berlaku, Zharfan terus membala dengan tumbukan di bahagian mata Hafiz. Sejurus itu, Hafiz tersungkur dalam kesakitan. **5** Tidak berpuas hati dengan apa yang baru berlaku, Zharfan mengangkat kakinya lalu menendang perut Hafiz sekutu hatinya.

Aku cuba campur tangan untuk menghentikan **perbalahan** mereka. Walau bagaimanapun, percubaanku itu gagal kerana Zharfan ternyata jauh lebih kuat daripada aku. Aku pula yang terhumban ke tepi tong sampai. Tanpa menghiraukan aku, Zharfan maju ke hadapan kemudian **10** mengajukan tapak kakinya ke hadapan muka Hafiz, mengancam untuk menyerangnya sekali lagi. Tanpa berfikir panjang, aku membantu Hafiz berdiri, dan cuba menjauhkannya daripada Zharfan. Aku tidak faham. Mereka dahulu sangat **akrab** bagai isi dengan kuku. Aku tidak boleh membiarkan perkara ini berterusan.

Aku pun memandang ke arah Hafiz, memohon kepadanya supaya menghentikan semua ini. **15**

"Berambuslah! Jangan nak masuk campur hal aku!" kata Hafiz dengan nada yang tinggi.

"Tidak! Cukup-cukuplah tu! Bukankah kita semua kawan?" jawabku kembali.

Dengan suara serak-serak basah, Hafiz membala, "Zharfan bukan kawan kau. Kau tahu tak apa yang telah dia lakukan? Dia telah mencuri telefon bimbit dari kedai tempoh hari walaupun aku telah cuba melarangnya. Apabila ditangkap oleh pengawal keselamatan, tergamak pula dia menuduh **20** aku yang merancang semuanya. Kau pun pasti tidak akan memaafkan dia kalau kau yang menjadi mangsa si penipu ini!"

Zharfan terus menggenggam kolar baju Hafiz, membuat aku dan dia **terhuyung-hayang**. Mujurlah, aku sempat menahan Hafiz daripada terjatuh. Kali ini, aku benar-benar tidak dapat mengawal perasaanku lagi. **25**

Aku mengumpul segala tenaga yang ada pada diriku lalu menahan keras kedua-dua monyet itu.

"Kamu berdua dengar sini! Perkara ini sudah melampaui batas. Kamu berdua harus menghentikan pergaduhan ini. Apa pun masalah kamu berdua, aku pasti ada cara yang baik untuk menyelesaiannya. Jika kamu berdua terus bertumbuk antara satu sama lain, salah seorang **30** daripada kamu pasti cedera!" Secara tidak sengaja, tapak tangan lembutku melayang ke pipi mereka berdua.

Hafiz dan Zharfan terkejut dengan reaksiku. Mereka tidak pernah melihat aku semarah ini. Hendak atau tidak, mereka bersetuju untuk duduk dan merundingkan masalah yang dihadapi.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Bagaimanakah perubahan perasaan yang dilalui oleh Zharfan setelah ditumbuk oleh Hafiz? (3 markah)

2. Apakah reaksi Zharfan ketika dia menyedari bahawa dia telah ditumbuk oleh Hafiz? (3 markah)

3. Mengapakah penulis masih berusaha untuk segera membantu Hafiz meskipun dia telah dihumpan ke tepi tong sampah ketika cuba membantu? (3 markah)

4. Mengapakah penulis tidak dapat memahami pertengkaran yang sedang berlaku? (3 markah)

5. Apakah **dua** sebab Hafiz begitu marah terhadap Zharfan? (5 markah)

6. "Perkara ini sudah melampaui batas!" (baris 28) Apakah sebab-sebabnya penulis menggesa Hafiz dan Zharfan menghentikan pergaduhan itu? (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. tergamam (baris 3) (2 markah)

8. perbalahan (baris 8) (2 markah)

9. akrab (baris 13) (2 markah)

10. terhuyung-hayang (baris 23) (2 markah)

Waktu: _____

LATIHAN 5

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Ketika aku terlihat seorang pegawai polis menggoyang-goyangkan jarinya ke arah seorang budak lelaki, aku terkenang seorang budak bernama Jariri Shah. Aku teringat saat dia meletakkan mercun ke dalam peti surat klinikku. Mercun itu meletup, membuat aku melompat-lompat keperitan.

"Apa yang budak sembilan tahun ini tidak puas hati denganku? Aku tak pernah pun melakukan apa-apa yang boleh menggores hatinya," hatiku yang tertanya-tanya berbisik dengan **pasrah**. 5

Walaupun begitu, aku sedar, bukan aku seorang sahaja yang pernah menjadi mangsanya. Aku pernah mendengar aduan daripada para pemilik kedai di sekelilingku. Bayam dan kangkung daripada peniaga sayur sebelah, habis hangus. Tanpa disedari, mamak kedai serbaneka di hadapan pula telah membekalkan Jariri mercun secara percuma. Jariri memang anak dajjal di kejirananku ini. Dia langsung tidak ada sikap hormat terhadap sesiapa. 10

Sekitar seminggu kemudian, bulu romaku masih rasa melecur akibat letusan tempoh hari. Aku ternampak Jariri duduk beseorangan di bangku klinikku. Di pehanya, terbaring seekor kucing parsif berwarna coklat. Aku bagaikan tidak percaya apa yang kulihat.

"Apa yang boleh saya bantu?" aku bertanya dengan nada yang endah tak endah.

"Ada sesuatu yang tidak kena dengan kucing saya," jawab Jariri dengan mulut yang terkumat-kamit. 15

Dalam hati, ingin sekali aku bertanya padanya tentang perbuatan nakal yang dibuatnya terhadapku. Namun sejurus melihat kucing tersebut, fikiran itu langsung luput daripada ingatanku. Kucing itu amat comel tapi kelihatan tidak bermaya. Namun, perhatianku terus tertumpu kepada bebola kuning di kelopak mata kucing tersebut dan hingus berlendir yang mengalir keluar dari hidungnya. Sekali pandang, aku sudah tahu bahawa kucing itu dijangkiti virus *Panleukopenia Felin*. Amat mudah sekali untuk mengenal pasti penyakit itu. Akan tetapi, tindakan yang menyusuli pengesahan penyakit itu, langsung tidak memudahkan sesiapa yang perlu **mengendalikannya**. 20

"Apa yang terjadi kepada Mimi?" tanya Jariri.

"Ia dijangkiti virus *Panleukopenia*. Virus itu amat dahsyat," aku tidak sampai hati untuk memberitahu Jariri bahawa kucingnya sudah di **ambang maut**. Tiba-tiba, aku menjadi simpati melihat raut wajah Jariri. 25

"Adakah Mimi akan mati?" bisik Jariri dengan hati yang berat.

"Hmm... ada kucing yang pulih daripada keadaan itu." jawabku, tanpa memberitahunya bahawa aku tidak pernah sekali melihat perkara itu berlaku. Aku memberikan Mimi beberapa ubat-ubatan meskipun aku tidak optimis. 30

Satu hari, muncul sekali lagi dengan kelibat Jariri di hadapan klinikku.

"Mimi sudah tidak boleh jalan langsung sekarang. Boleh tak kamu tolong periksa dia?" Kami pun menaiki kereta untuk ke rumahnya. Aku lihat tubuh Mimi menggeletar tanpa henti.

"Jariri, izinkan aku tamatkan penderitaannya. Itu sajalah yang kita boleh lakukan pada saat ini. Aku janji, dia tidak akan rasa sebarang kesakitan." 35

Setelah mendapat persetujuan Jariri, aku mengeluarkan jarum dari beg rawatanku lalu menyuntik Mimi dengan penuh berhati-hati. Perlahan-lahan, Mimi mula melelapkan matanya. Aku tahan **sebak** di dadaku sambil menoleh ke arah Jariri yang cuba menahan air mata daripada berlinangan.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Apakah yang membuat penulis mengimbas kembali ke masa lalu?

(3 markah)

2. Mengapa penulis hairan dengan kelakuan nakal Jariri yang seolah-olah tidak berpuas hati dengannya?

(3 markah)

3. Menurut penulis, apakah simptom virus *Panleukopenia Felin*?

(3 markah)

4. Apakah yang terjadi pada Mimi akhirnya?

(3 markah)

5. Perbuatan nakal Jariri telah menyusahkan orang-orang di sekelilingnya. Berikan **dua** bukti. (5 markah)

6. Penulis seorang doktor yang bertanggungjawab. Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan tersebut. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. pasrah (baris 5) (2 markah)

8. mengendalikan (baris 23) (2 markah)

9. ambang maut (baris 26) (2 markah)

10. sebak (baris 39) (2 markah)
